

Keistimewaan seni sulaman kelingkam oleh Nik Rahimah Nik Idris.

Nurulannisa Abdullah^{1*}, Fatin Nur Zulkipli², Muhammad Razzieman Mohd Radzi³, Nurfatin Nabilah Azmi⁴, dan Nur Amiera Syafina Burhan⁵

¹ UiTM Cawangan Kelantan; annisa@uitm.edu.my;  0000-0003-3234-9066

² UiTM Cawangan Kelantan; fatinnurzul@uitm.edu.my;  0000-0002-5294-9125

³ UiTM Cawangan Kelantan; jimeteen12@gmail.com

⁴ UiTM Cawangan Kelantan; nurfatinnabilahazmi@gmail.com

⁵ UiTM Cawangan Kelantan; diamondamiera98@gmail.com

* Correspondence: annisa@uitm.edu.my; +60193633936.

Abstrak: Puan Nik Rahimah Nik Idris dikenali sebagai ciksu yang merupakan anak kelahiran Kelantan. Beliau pernah berkhidmat sebagai tukang jahit untuk Raja Perempuan Kelantan sejak tahun 1960- an. Secara tidak langsung, sulaman kelingkam telah mendapat tempat istimewa di Istana Kelantan. Beliau berbakat dalam pelbagai sulaman seperti tekatan paku-paku, sulaman ayak, jahitan manik, jahitan pakaian, smoking (jahitan bunga), kaitan (jarum satu dan jarum dua), peralatan singgah sana Diraja Kelantan namun beliau sangat terkenal dengan sulaman kelingkam. Pada tahun 2013, beliau telah diberi penghormatan dan pengiktirafan sebagai Adiguru Kraf oleh Perbadanan Kraftangan Malaysia. Beliau sangat menitik beratkan seni warisan ini kerana ianya merupakan warisan seni diraja yang diwarisi daripada turun temurun. Temubual dan penulisan ini bertujuan untuk memperlihatkan peranan dan sumbangan beliau dalam seni warisan sulaman kelingkam khususnya di negeri Kelantan. Hasil kajian didapati dari sesi temubual bersama Puan Nik Rahimah Nik Idris, secara atas talian menggunakan platform Google Meet. Dapatan kajian dari sesi temubual menunjukkan tokoh seorang yang komitmen dalam kerjayanya, beliau memberikan sumbangan besar dalam memartabatkan dan memelihara seni sulaman kelingkam. Beliau turut memainkan peranan sebagai penyulam diraja, tenaga pengajar, dan juga pernah mewakili Negara dalam mempromosikan seni sulaman di dalam dan luar Negara.

Kata kunci: Sulaman Kelingkam, Peranan, Sumbangan, Jahitan, Kelantan

DOI: 10.5281/zenodo.11114556



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Kelingkam atau lebih dikenali sebagai kelingkam merupakan satu teknik sulaman yang melibatkan benang kasar yang dilapisi lapisan emas dan perak di atas permukaan kain lembut. Istilah Kelingkam yang dipercayai berasal dari Turki ini adalah gabungan perkataan, 'Keling' yang merujuk kepada saudagar dari India, pembekal benang-benang emas untuk sulaman kelingkam pada masa dahulu. Manakala perkataan 'Kam' pula membawa maksud pelbagai jenis kain. Dalam menghasilkan sulaman keringkam ini, keperibadian seseorang adalah amat penting kerana ianya memerlukan ketelitian yang tinggi dan kepakaran para penyulam. Sejak sekian lama, sulaman keringkam telah menjadi identiti bagi wanita Melayu terutamanya pada orang Melayu di Sarawak, Selangor, dan juga Kelantan.

Di Malaysia, terdapat pelbagai seni sulaman warisan melayu yang tidak terhitung namun setiap satu ada keunikannya tersendiri. Misalnya, seni sulaman kelingkam ini adalah sulaman pada selendang atau selayah yang menggunakan benang kasar yang bersalut emas dan perak di atas satu permukaan kain (Zainal Amr, Haron, & Samian, 2016). Sulaman kelingkam bukan hanya tertumpu kepada selendang sahaja, malah ianya juga boleh dibuat pada baju, bantal, kipas dan alatan perkahwinan (Zubaidah Ibrahim, 2015). Menurut Nik Rahimah Nik Idris, seni sulaman kelingkam ini sangatlah istimewa kerana ada keunikannya tersendiri yang mampu menaikkan seri seseorang yang memakainya. Selain itu, Nik Rahimah menyatakan bagi menghasilkan satu sulaman kelingkam ini menggunakan modal yang agak besar. Hal ini kerana seikat benang perak yang mengandungi 16 urat sahaja, diimport dari Singapura pada harga RM170. Manakala jarumnya pula diperbuat daripada perak dan ianya perlu ditempah khas untuk kegunaan sulaman kelingkam. Masa yang diambil untuk menyiapkan satu sulaman itu adalah hampir sebulan lamanya dan ianya mementingkan kebersihan dan ketekunan yang jitu bagi memastikan kualiti sulaman terjaga. Hal ini kerana, setiap sulaman itu menggunakan benang yang mahal dan ianya cepat rosak jika tidak berhati-hati. Pada zaman dahulu, sulaman kelingkam ini sangat terkenal dan hanya dipakai oleh golongan bangsawan dan istana kerana sehelai selendang yang mengandungi sulaman kelingkam berukuran 1.7 meter yang memerlukan tujuh ikat kelingkam dan mengakibatkan harganya menjadi sangat mahal sehingga mencecah RM 3000 sehelai.

Nik Rahimah Nik Idris yang lebih mesra dikenali sebagai ciksu, adalah anak kelahiran Kelantan beralamat di Kubang Pasu, Kota Bharu Kelantan. Beliau dilahirkan pada 22 September 1941 dan merupakan anak bongsu dari tujuh adik beradik. Beliau mendapatkan pendidikan awal di Sekolah Melayu Merbau, Kota Bharu dan beliau sangat aktif dalam bersukan. Beliau dibesarkan oleh arwah neneknya yang dikenali sebagai Nik Aminah Nik Mat, penyulam diraja dan pakar dalam menghasilkan warisan seni halus serta pembuatan alatan singgah sana diraja Kelantan. Menurutnya, beliau telah berkecimpung dalam bidang seni sulaman seawal 1956an, ketika beliau berusia 15 tahun dan berjaya menghasilkan selendang sebagai karya ulungnya. Bagi beliau, beliau amat meminati sulaman kelingkam ini dan tidak menganggapnya sukar kerana beliau sudah terbiasa memerhatikan neneknya menghasilkan seni warisan dan ianya sudah sehati dalam dirinya.

Menurut Nik Rahimah Nik Idris, ilmu warisan ini diwarisi dari nenek moyangnya. Katanya lagi, ayah dan dua orang lagi adik beradiknya yang juga pandai dalam warisan seni melayu. Namun hanya beliau yang masih aktif sehingga harini, beliau juga menceritakan bahawa beliau pernah berkhidmat dengan Raja Perempuan Kelantan iaitu Almarhum Tengku Zainab, sebagai tukang jahit diraja. Hal ini kerana, kehalusan dan kekemasan hasil tanganya dapat menambat hati baginda. Secara tidak langsung, seni warisan melayu seperti sulaman kelingkam ini telah diangkat dan mendapat tempat di Istana. Beliau juga acap kali dijemput ke Negara Asia seperti Filipina, Thailand dan Indonesia bagi memperkenalkan seni sulaman kelingkam.

Beliau sangat terharu apabila ada orang luar yang menunjukkan minat dengan sulaman kelingkam ini. Dalam warisan sulaman kelingkam ini, beliau sentiasa memberikan komitmen yang jitu dan memartabatkan seni warisan melayu agar ianya tidak lapuk ditelan zaman. Hasil daripada semangat, kegigihan dan sumbangan beliau dalam mempertahankan seni warisan kelingkam ini, pada tahun 2013 beliau telah diberi pengiktirafan daripada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia sebagai seorang Adiguru Kraf. Ianya adalah satu pencapaian besar buat Nik Rahimah Nik Idris kerana beliau merasakan hasil seni sulaman beliau dipandang tinggi oleh kraftangan Malaysia dan rasa amat dihargai. Kini, beliau telah menurunkan ilmunya dalam bidang sulaman kelingkam ini kepada cucu saudara beliau, iaitu Nik Marhamah Nik Megat dan Nik Nurul Amalina Nik Mohd Nizam yang merupakan cicitnya. Namun kini biarpun beliau telah meningkat usia, rasa cinta dan semangatnya

terhadap sulaman kelingkam ini tidak pernah pudar. Justeru itu, beliau masih mengharapkan akan ada lebih ramai anak muda yang akan berkecimpung dalam bidang ini dan memperkenalkan seni sulaman kelingkam dengan lebih meluas.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Usaha mendokumentasi adat dan budaya ini adalah penting dan berharga kepada masyarakat negeri Kelantan khususnya dan seluruh masyarakat umumnya. Penulisan makalah ini memperkenalkan sulaman kelingkam yang menjadi tradisi warisan masyarakat Kelantan sejak zaman berzaman dan untuk memperkenalkan penyulam kelingkam yang sudah semakin pupus pada hari ini. Hal ini memandangkan tokoh penyulam pada hari ini sudah lanjut usia dan penyulam muda pula tidak dilatih secara berkala. Kajian dan dokumentasi tentang penyulam, jenis-jenis sulaman dan hubungannya dengan pihak istana serta masyarakat umum adalah sangat penting.

Selain itu, segala dokumentasi tentang aktiviti sulaman kelingkam yang didokumentasi oleh pihak Muzium Negeri Kelantan sebelum ini juga telah musnah akibat Banjir Kuning yang melanda negeri Kelantan pada tahun 2014. Tidak ada sebarang dokumentasi mengenai penyulam dan kelingkam di Muzium Negeri Kelantan pada hari ini untuk dijadikan sebagai rujukan oleh para pengkaji atau masyarakat umum yang berminat dengan sulaman warisan tradisi ini.

Di samping itu, kajian ini juga sebagai usaha untuk menyebarkan maklumat dan pengetahuan tentang khazanah yang menjadi sebahagian daripada warisan jati diri masyarakat, yang didukung oleh istana dan rakyat negeri Kelantan sejak sekian lama. Atas kesedaran itu, penulisan ini bertujuan melestarikan kembali khazanah warisan Melayu yang begitu sinonim dengan adat dan budaya masyarakat Kelantan. Tudung sulaman kelingkam ini pada awalnya hanya dipakai oleh kerabat diraja dan kaum bangsawan, namun kini pemakaiannya juga oleh orang kebanyakan khususnya pada majlis tertentu seperti majlis pertunangan, khatam Al-Quran, perkahwinan dan lain-lain.

Selain itu, sulaman kelingkam juga telah dimodenkan dan tidak terhad kepada tudung sahaja, sebaliknya disulam pada pelapik dulang, tampuk bantal, malah turut dipakai sebagai layah bagi pengantin perempuan. Warisan seni busana tradisi ini telah mendapat perhatian daripada pihak istana negeri Kelantan kerana melambangkan keagungan adat dan budaya yang dimiliki oleh masyarakat Kelantan daripada golongan atasan kepada golongan rakyat jelata

3. OBJEKTIF KAJIAN

Temubual ini bertujuan untuk:

- i. Meneroka mengenai seni sulaman kelingkam.
- ii. Memperkenalkan seni sulaman kelingkam kepada masyarakat.
- iii. Mengenal pasti pengalaman yang dilalui oleh tokoh dalam memelihara dan memartabatkan daya tarikan sulaman kelingkam.

4. PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan temubual yang telah dijalankan:

- i. Apakah itu seni sulaman kelingkam?
- ii. Bagaimana untuk memperkenalkan seni sulaman kelingkam kepada masyarakat?
- iii. Apakah pengalaman yang dilalui oleh tokoh dalam memelihara dan memartabatkan daya tarikan sulaman kelingkam?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Melalui kajian ini kepentingan dan sumbangan kajian ini boleh dibahagi kepada tiga iaitu individu, masyarakat dan industri. Kajian ini, membolehkan individu itu lebih mengenali siapakah Puan Nik Rahimah Nik Idris secara lebih dekat, melalui masyarakat pula ia membolehkan masyarakat lebih menghargai ilmu dan seni sulaman kelingkan yang di hasilkan oleh Puan Nik Rahimah Nik Idris. Dan dari segi industri pula lebih banyak permintaan dan penghasilan seni sulaman kelingkan ini.

Menurut artikel yang bertajuk Peranan dan Sumbangan Nik Rahimah Nik Idris dalam bidang Sulaman kelingkan yang ditulis oleh Norhayati Ab. Rahman dan Maizira Abdul Majid, 2020, sumbangan Puan Nik Rahimah Nik Idris terhadap individu ialah individu dapat mengenali Puan Nik Rahimah Nik Idris lebih dekat dengan pengalaman beliau yang telah berkerja di dalam Istana Kelantan. Hal ini telah menyebabkan Puan Nik Rahimah Nik Idris menjadi terkenal kerana kemahiran dan kehalusan seni sulaman beliau. Selain itu, Puan Nik Rahimah Nik Idris juga telah memberikan perkhidmatan beliau kepada raja – raja perempuan Negeri Kelantan daripada Al- Marhumah Raja Perempuan Zainab Dua sehingga ke Permaisuri Tengku Anis. Selain negeri Kelantan sendiri antara negeri yang telah menggunakan perkhidmatan Puan Nik Rahimah Nik Idris ialah kerabat diraja daripada negeri Selangor, Perlis, Johor, Terengganu, dan juga Perak serta para isteri – isteri pembesar istana. Selain mendapat perhatian daripada istana hasil seni kelingkan beliau telah dipamerkan di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan untuk tontonan umum dan boleh dilihat hasil tangan Puan Nik Rahimah Nik Idris secara dekat.

Seterusnya ialah sumbangan kepada masyarakat, bagi memastikan ilmu seni kelingkan ini tidak pupus ditelan dek zaman ilmu seni kelingkan ini harus diturunkan kepada generasi seterusnya iaitu generasi muda dan boleh meneruskan usaha seni kelingkan ini untuk di pertontonkan dan digunakan oleh generasi seterusnya. Menurut Puan Nik Rahimah Nik Idris beliau pernah dijemput oleh Kraftangan Cawangan Kelantan untuk menjadi tenaga pengajar disana agar boleh menurunkan ilmu dan kemahiran beliau dalam seni kelingkan ini. Hasil daripada membuat kelas kemahiran dan belajar bersama Puan Nik Rahimah Nik Idris ia dapat membuka minat masyarakat dan mendapat menambah bilangan penyulam di Negeri Kelantan. Antara pelajar Puan Nik Rahimah Nik Idris yang berjaya ialah Puan Robitah Hashim dan beliau juga menurunkan ilmu yang beliau dapati daripada Puan Nik Rahimah Nik Idris kepada masyarakat dengan membuka bengkel sulaman sendiri yang bertempat di Tok Uban, Pasir Mas, Kelantan. Selain berkhidmat sebagai tenaga pengajar di Kraftangan Cawangan Kelantan beliau juga pernah berkhidmat di Yayasan Tengku Nurzahirah, Terengganu. Hasil daripada ini bukan sahaja masyarakat di negeri Kelantan sahaja boleh mempelajari dan menguasai Teknik seni kelingkan Puan Nik Rahimah Nik Idris akan tetapi masyarakat daripada negeri lain turut di alu – alu kan untuk mempelajari seni kelingkan ini. Selain di dalam negara Malaysia seni kelingkan ini juga mempunyai potensi yang tinggi untuk masyarakat dunia mempelajari dan mahirkan diri kerana ini adalah warisan negara Malaysia. Puan Nik Rahimah Nik Idris telah meletakkan dirinya sebagai pakar rujukan mengenai seni kelingkan ini kerana kemahiran yang dimiliki oleh beliau dan hasil seni ini menyumbang kepada masyarakat.

Terakhir ialah sumbangan dari segi industri, Puan Nik Rahimah Nik Idris sering mendapat jemputan daripada Sultan Ismail Petra sewaktu pemerintahan beliau untuk menjadi pengadil hampir setiap tahun semasa sambutan Hari Keputeraan Baginda al -Sultan di dalam pertandingan sulaman, gubahan dan masakkan. Sebagai seorang yang pakar dalam bidang seni kelingkan ini Puan Nik Rahimah Nik Idris juga membuat demonstrasi sulaman kelingkan di majlis - majlis kraftangan di dalam dan luar negara agar masyarakat dan pihak industri dapat melihat secara terus proses - proses untuk membuat sulaman kelingkan melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan muzium

- muzium negeri. Antara negara yang Puan Nik Rahimah Nik Idris pernah membuat demonstrasi seni sulaman kelingkan ini ialah negara Thailand, Indonesia dan Filipina di mana beliau dapat memperkenalkan industri seni sulaman kelingkan ini kepada negara luar secara tidak langsung beliau juga boleh menjalinkan hubungan baik dengan wakil - wakil daripada negeri ASEAN yang juga turut mengambil bahagian dalam program yang dianjurkan atas tujuan memulihara dan memelihara kraf warisan negara.

Memandangkan terdapat pelbagai sumbangan yang tidak ternilai dalam seni warisan kelingkan ini, beliau telah diberi pengiktirafan dan anugerah di peringkat negeri, negara malah peringkat antarabangsa. Pada tahun 2013, beliau telah memperolehi gelaran Adiguru Kraf, iaitu individu yang diberi penghormatan dan pengiktirafan oleh Kerajaan Malaysia, sebagai tokoh yang mempunyai kepakaran dalam bidang seni kelingkan dan beliau juga acap kali memperkenalkan warisan sulaman kelingkan kepada masyarakat biarupun di luar negara ataupun Malaysia (Ab. Rahman & Abdul Majid, 2021).

6. TINJAUAN LITERATUR

Kepentingan menjaga kelestarian seni warisan melayu.

Penjagaan seni warisan melayu merupakan faktor utama yang harus dititik beratkan dalam menjaga kelestarian seni warisan melayu. Demi mengekalkan kemekaran dan kesejahteraan warisan melayu, penjagaannya harus teliti dan perlu dipandang berat oleh semua pihak. Semua pihak harus memainkan peranan masing-masing demi menjaga seni warisan agar tidak pupus dimakan zaman. Masyarakat perlu lah sedar bahawa jika pupus seni warisan melayu di negara ini, maka tiada apa yang boleh dipertunjukkan kepada generasi muda akan datang, perkara sebegini amatlah penting supaya seni warisan melayu ini dapat terus dijaga oleh generasi muda akan datang.

Menurut (Mimbar Kata, 2016) dalam temu bualnya bersama Nik Rahimah. Beliau menjelaskan, permintaan terhadap sulaman kelingkan tidak serancak dahulu. Begitupun, beliau masih lagi menerima tempahan daripada pelanggan tetap di seluruh Malaysia. "Dahulu sulaman kelingkan sangat masyhur dalam kalangan masyarakat dan diketahui umum. Tetapi kini hanya segelintir sahaja yang menggayakannya." "Lebih menyedihkan, kini tidak ramai orang yang mahir menyulam kelingkan menyebabkan ia seolah-olah semakin pudar ditelan zaman," kata Nik Rahimah sambil memanjatkan kesyukuran kerana cucu saudaranya, Nik Marhamah Nik Megat, 42, dan cicit saudara, Nik Nurul Amalina Nik Mohd. Nazim, 21, sanggup menyambung legasi. Jadi, di situ kita dapat lihat bahawa Tokoh yang menjaga kelestarian warisan melayu juga turut bersedih kerana segelintir masyarakat kita kurang ambil endah mengenai seni warisan ini. Oleh itu, sudah menjadi tanggungjawab kita sebagai anak Malaysia untuk menjaga seni warisan ini.

Di samping itu, dalam artikel yang bertajuk Kongres Warisan Melayu Sedunia (2014). Dalam artikel tersebut, ada menyebut bahawa medium terhebat untuk menanam kecenderungan dan mengajar semula masyarakat untuk menilai dan berbesar hati dengan warisan seni penyampaian klasik ia dilakukan melalui sistem pembelajaran. Antara inisiatif yang dijalankan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia adalah penganjuran Program Kaunseling Budaya dan Kesenian (PBSB). PBSB adalah program pembangunan dan penaklukan peringkat awal yang merangkumi sekolah rendah dan menengah terpilih di semua negara (Norliza Rofli, 2013).

Selain itu, inisiatif kerajaan yang lain adalah untuk menentukan kelestarian Warisan seni tradisi Melayu dibawa melalui sektor percutian. Hari ini, budaya Krismas adalah separuh daripada

budaya popular. Sektor hiburan memberi ruang kepada pengamal seni warisan untuk terus aktif di samping memeriahkan program seni warisan negara. Contoh terbaik program budaya dan seni sebagai produk hiburan adalah Program Citra Varna yang dikendalikan oleh Kementerian Pelancongan. Walau bagaimanapun, program seperti percutian ini tidak terlepas dari kecaman oleh beberapa pihak, yang tidak bermaksud benar-benar mempraktikkan seni klasik tradisional. Penyampaian motif yang dilukis untuk menarik minat pelancong dan kecenderungan keusahawanan adalah untuk mempengaruhi kepentingan warisan budaya Melayu (Zaharul Lailiddin Saidon, 2014).

Selain daripada itu, menurut artikel Yuszaidy Yusoff (2018) mengenai perundangan warisan dan agensi penguatkuasaan untuk melindungi warisan budaya di Malaysia. Dalam artikelnya, dia menyebutkan bahawa selain monumen bersejarah, terdapat juga ciptaan warisan yang jelas seperti Songji yang sangat berharga. Kain tenunan berkualiti tinggi yang berharga (Azah Aziz, 2009). Pengetahuan profesional memproses benang emas dan benang sutera jalinan telah dipraktikkan sejak awal. Kepakaran yang diwarisi dari akar umbi melalui proses pencampuran menghasilkan standard dan alasan yang menarik dan indah (Mohd. Taib Osman, 1989). Keistimewaan Matsuji Weaving telah mencipta satu-satunya keluarga yang mewarisi pengetahuan dan kemahiran profesional dalam kerjaya pencerahan pendahulunya. (Azah Aziz, 2009; Haziyah Hussein, 2011 & Siti Zainon Ismail, 2009).

Menggalakkan generasi muda untuk menceburi seni warisan melayu.

Seni warisan melayu kebanyakannya dipelopori oleh generasi terdahulu dan seterusnya akan diperturunkan kepada generasi baru iaitu generasi muda. Oleh itu, untuk menjaga kelestarian seni warisan melayu, penjagaan nya haruslah dimulakan dari generasi muda terlebih dahulu. Ibu bapa mempunyai peranan penting dalam memperkenalkan dan menceritakan seni warisan melayu kepada anak-anak supaya mereka tahu kewujudan dan kehebatan seni warisan melayu kita.

Menurut artikel yang bertajuk Daily News Online (2014) untuk mengekalkan tradisi Melayu, kerjasama strategik diperlukan. Dalam temu bual dengan Perdana Menteri Malaysia Timbalan, Tan Sri Muhyiddin Yassin percaya bahawa penyertaan utama antara agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) mesti dicapai untuk mengekalkan perkembangan dan logik warisan Melayu yang berterusan di masa depan. Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa penyertaan sangat penting untuk perlindungan, pengembangan dan pemebalajaran warisan Melayu, dengan itu memberikan kelebihan bagi semua pengamal yang terlibat. "Pada pendapat saya, NGO seperti Persatuan Pengusaha dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) dapat merancang bagaimana mempromosikan produk warisan Melayu seperti ini di dalam dan luar negara. (Berita Harian Online, 2014).

Di samping itu, disebutkan bahawa walaupun Mak Yong telah disenaraikan sebagai warisan budaya tidak ketara oleh UNESCO sejak tahun 2005, masih banyak orang di China yang tidak menghargainya, dan bahkan tidak mengetahui atau memahami kejadiannya. Ini berlaku kerana orang tidak peduli dengan seni persembahan Mai Yong, termasuk gabungan tarian, nyanyian, dan persembahan, serta melindungi warisan negara dari kepupusan. Untuk tujuan ini, pengamal persembahan Mai Yong yang terkenal, Rosnan Abdul Rahman mencadangkan agar Kementerian Pendidikan menetapkan mata pelajaran seni dan budaya di sekolah rendah untuk memupuk minat generasi muda terhadap warisan. katanya kepada Bernama (Bernama, Astro Awani, 2016).

Seterusnya, dalam artikel ini ada menyebut, Bagi kumpulan Baba Nyonya, pedagang-pedagang daripada China yang datang ke Tanah Melayu pada mulanya tidak ada niat untuk bermastautin telah menampakkan kecenderungan dan menikahi dengan Wanita melayu. Segelintir darinya merancang menikahi Wanita mealyu agar mereka boleh mentadbir perusahaan dan

mengendalikan jualan ketika balik ke China untuk memperoleh jualan yang baru. Bayi tercipta dari pernikahan dengan pedagang China dan Wanita melayu melambangkan tunas pertama terciptanya kelompok Baba Nyonya di Tanah Melayu. Di samping itu, bayi hasil dari pernikahan orang China dan Wanita melayu ini diharuskan untuk menyambung warisan dengan berkawhwin Wanita melayu (Sohaimi Zakaria, Norzahira Ramli, Nurul Syafiqah Nor Azmi, 2017).

Keperibadian seseorang memainkan peranan penting dalam menghasilkan seni warisan yang berkualiti.

Keperibadian seseorang mencerminkan kecantikan dan kekemasan sesuatu seni warisan itu. Seni warisan melayu terdapat pelbagai jenis antaranya tenunan songket, tarian zapin, silat gayung, sulaman kelingkam dan lain-lain lagi. Oleh itu, untuk memastikan kualiti dan kesenian di dalam warisan ini, maka ia memerlukan ketelitian dan keperibadian yang baik dari seseorang yang mengamalkan atau membawa seni warisan itu. Untuk membawa seni sebegini, bukan calang-calang orang yang dipilih tetapi orang yang telah diberi kepercayaan dan keyakinan untuk membawa seni warisan tersebut.

Menurut artikel yang bertajuk “Seni budaya bukan remeh” oleh Fazurawati Che Lah, MyMetro, 2017. Di dalam artikel itu ada ditulis, perkembangan warisan meayu di kelompok anak kecil bukan setakat keseronokkan sahaja namun ianya menolong perkembangan seseorang termasuk sivik dalam diri. Tarian bukan hanya langkah ikut rentak lagu. Tetapi selindung dari penyampaian itu, ia memupuk sivik dalam diri pengamalnya macam kejuruan menggenapi waktu dan menaati perundangan. “Satu penyampaian dan praktikal warisan melayu yang disertai oleh seseorang secara kebetulan memperlihatkan unsur kemurnian. “Tarian zapin seperti menyuruh pengamalnya menterjemahkan langkah berisi etika seperti kesusilaan adab orang secara alami (Fazurawati Che Lah, MyMetro, 2017).

Setelah itu, dalam artikel yang bertajuk “Martabatkan seni budaya negara ke peringkat antarabangsa” oleh Malaysia Kini, 2014. Di dalam artikel tersebut, ada ditulis, seni sentiasa berubah kerana kreativiti sememangnya tidak terbatas. Falsafah sebeginilah yang membakar semangat Sekumpulan Orang Gila (SOG), sebuah kumpulan muzik bebas (indie) tempatan yang dibarisi lima bakat muda - Riko Agus, Raja Nazrin Shah, Raja Nazmin Shah, Abdul Qayyum, dan Amsyar Saiful. Menyelami dunia muzik mereka, kita bakal direntakkan melodi ‘post-hardcore’ (salah satu aliran punk rock) yang berintegrasikan unsur-unsur 'konvensional' dan 'tidak konvensional', 'tradisional' dan 'modern', berserta penghasilan muzik ‘lain daripada yang lain’. Lagu-lagu SOG yang mengandungi irama Malaysia memainkan peranan penting untuk memupuk penghayatan terhadap warisan seni negara memandangkan generasi muda zaman ini begitu menggemari muzik luar (Malaysia Kini, 2014).

7. METODOLOGI

Sejarah lisan merupakan kaedah merakam kenangan seorang tokoh melalui temu ramah. Biasanya tokoh yang dipilih akan berkongsi maklumat bersejarah dari penglibatan mahupun pengalaman mereka sendiri. Maklumat yang dikumpulkan semasa temu ramah, kemudiannya dijadikan satu penulisan untuk tujuan pendidikan dan penyelidikan. Secara tidak langsung, temu ramah ini menyumbang dan membantu dalam menjaga sejarah ataupun peristiwa-peristiwa yang selama ini diabaikan.

Kajian kali ini bertemakan tokoh tempatan dan terdapat beberapa kriteria yang perlu diambil kira sebelum memilih tokoh. Misalnya, tokoh perlulah berumur 45 tahun ke atas dan berasal dari negeri

pantai timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang). Tokoh yang dipilih haruslah mempunyai latar belakang, pengalaman ataupun pencapaian yang menarik untuk dikongsikan sebagai tauladan kepada masyarakat.

Peserta kajian yang dipilih adalah Adiguru Nik Rahimah Nik Idris yang merupakan anak kelahiran Kelantan dan beliau dilahirkan pada 22 September 1941. Beliau merupakan anak bongsu dari tujuh orang adik beradik. Nik Rahimah Nik Idris telah berkecimpung dalam seni warisan ini sejak beliau berumur 15 tahun dan kini telah menjadi salah seorang adiguru kraf. Pada tahun 2013, beliau telah diberi pengiktirafan sebagai Adiguru Kraf oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Selain itu, beliau juga pernah berkhidmat dengan Raja Perempuan Kelantan, iaitu Al-Marhumah Raja Perempuan Zainab Dua sebagai tukang jahit di Istana Kelantan. Secara tidak langsung, karya sulaman kelingkam beliau telah mendapat tempat di kalangan Istana Kelantan. Beliau juga pernah membawa nama baik Malaysia ke luar negara dengan karya seni sulaman kelingkam beliau.

Bagi mengumpul maklumat mengenai tokoh dan sulaman kelingkam, terdapat dua kaedah yang telah kami gunakan iaitu kajian lapangan dan kajian kepustakaan. Kami telah mengumpulkan maklumat tambahan dengan mengadakan pencarian di internet. Terdapat beberapa maklumat yang diperolehi dari Google Scholar dan Online Database, namun terdapat juga keratan akhbar dan blog yang dijadikan sebagai rujukan untuk kajian ini.

Namun sebelum pemilihan tokoh dilakukan, kami telah mengambil pendekatan dengan mengumpul maklumat mengenai beliau daripada internet. Sekiranya, tokoh yang dipilih telah memenuhi kriteria yang ditetapkan tindakan lanjut akan di ambil. Bagi memastikan kajian ini dapat dijalankan dengan baik, kami telah menghubungi tokoh terlebih dahulu bagi mendapatkan persetujuan beliau untuk bekerjasama dalam kajian ini.

Dan medium yang digunakan untuk berkomunikasi mengenai proses kajian ini dari semasa ke semasa ialah melalui WhatsApp. Memandangkan keadaan pandemik yang tidak mengizinkan kami tidak dapat melakukan wawancara secara bersemuka, inisiatif telah diambil dengan melakukan sesi wawancara secara atas talian. Sesi wawancara bersama tokoh, Nik Rahimah Nik Idris dilakukan secara atas talian dengan menggunakan platform Google Meet dengan persetujuan beliau. Sepanjang tempoh wawancara berlangsung, rakaman telah dibuat dengan keizinan beliau untuk sumber rujukan kajian ini. Seterusnya, berdasarkan sumber rujukan yang ada, kami akan menterjemahkannya kepada sebuah transkrip.

Terdapat beberapa prosedur yang telah diambil sepanjang tempoh kajian ini, misalnya

- i. Mencari dan memilih tokoh
- ii. Menyediakan abstrak
- iii. Menyediakan proposal
- iv. Menyediakan persediaan awal
- v. Menghubungi tokoh
- vi. Menyediakan senarai soalan untuk sesi wawancara
- vii. Menjalankan dan merakam sesi wawancara
- viii. Menulis artikel
- ix. Menyediakan penulisan berdasarkan rakaman wawancara
- x. Menyediakan transkrip

8. HASIL KAJIAN

Melalui dari sesi temu bual bersama Nik Rahimah Nik Idris, beliau berkongsi, menjelaskan, dan merungkaikan beberapa perkara. Berikut merupakan hasil kajian yang diperoleh semasa sesi temu bual bersama Nik Rahimah Nik Idris:

i. *Media sosial sebagai sumber promosi.*

Dalam temu bual bersama Nik Rahimah Nik Idris, beliau berkata penggunaan media sosial amatlah penting serta mempunyai kebaikan dan keburukannya yang tersendiri. Jadi tugas kita sebagai pengguna haruslah bijak dalam menggunakan platform tersebut sebagai medium untuk mempromosikan hasil karya dan produk kita. Dengan menyiarkan hasil karya dan produk kita di media sosial, orang ramai dapat tahu tentang karya dan produk yang kita ingin promosikan dan seterusnya dapat meraih keuntungan dari hasil jualan produk kita itu.

ii. *Nasihat kepada orang muda supaya ambil tahu tentang seni warisan melayu.*

Dalam temu bual bersama Nik Rahimah Nik Idris beliau berkata , sebagai orang muda, mereka harus peka dan ambil tahu tentang perkembangan seni warisan melayu kerana orang muda lebih peka daya ingatan nya serta pemikirannya lebih luas berbanding orang yang sudah berusia . Apabila orang muda mengambil tahu tentang perkembangan seni warisan melayu maka secara tidak langsung, mereka boleh usulkan bermacam-macam idea kepada organisasi atau mana-mana pertubuhan yang bertanggungjawab dalam menjaga seni warisan melayu untuk membuat program demi menjaga kelestarian warisan melayu supaya tidak pupus ditelan zaman.

iii. *Disiplin yang tinggi dalam diri seseorang amat penting dalam mempraktikkan seni warisan melayu.*

Nik Rahimah Nik Idris menegaskan bahawa disiplin yang tinggi perlu ada dalam diri seorang anak seniman. Sebagai contohnya apabila membuat sulaman kelingkam, seseorang itu perlu lah fokus dan teliti apabila mengendalikan jahitan sulaman kelingkam. Individu tersebut tidak boleh melakukan hal lain seperti berbual, makan dan sebagainya apabila mula membuat sulaman kelingkam kerana jahitan sulaman kelingkam memerlukan fokus dan ketelitian yang tinggi dari seseorang. Apabila mula mengendalikan jahitan sulaman kelingkam, individu tersebut perlu mengambil masa berjam-jam untuk fokus menjahit sulaman tersebut dan jika individu tersebut hilang fokus maka sulaman itu tidak akan jadi cantik dan rosak.

iv. *Masyarakat tempatan lebih mengagungkan seni dari negara Barat berbanding negara sendiri.*

Nik Rahimah Nik Idris agak sedikit kesal mengatakan bahawa masyarakat negara sendiri lebih mengagungkan karya dan seni dari negara luar berbanding karya dan seni dari negara sendiri. Segelintir anak muda dan masyarakat zaman sekarang mereka lebih suka untuk memakai barangan dari jenama negara luar seperti Levi's, Versace, Gucci, dan lain-lain lagi Mereka lebih suka jenama-jenama tersebut kerana rasa dipandang tinggi oleh kawan-kawan yang lain apabila menggayakan jenama tersebut padahal jenama tempatan lebih bermutu tinggi dan kualitinya adalah jauh lebih baik jika dibandingkan dengan jenama dari luar negara.

v. *Minat dalam melakukan sesuatu boleh membuahkan hasil.*

Jika timbul minat dalam membuat sesuatu perkara, ianya secara tidak langsung dapat meraih keuntungan dan membuahkan hasil, ujar Nik Rahimah Nik Idris. Minat bukan sahaja suka dalam melakukan sesuatu pekerjaan itu malah timbul rasa cinta dan sayang apabila melakukakan sesuatu

pekerjaan. Apabila kita melakukan sesuatu yang kita sukai dan minati, pekerjaan itu akan berasa mudah dan senang, kita pon tidak akan rasa mudah tertekan kerana pekerjaan yang kita buat itu adalah yang kita sukai. Di samping itu, kita juga boleh mendapat keuntungan apabila melakukan pekerjaan yang kita sukai dan jika tidak meraih banyak keuntungan, kita tidak akan merasa terlalu kecewa kerana pekerjaan yang kita buat itu bukan sia-sia malah dapat menambah baik diri kita supaya lebih cemerlang dan hebat.

9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, kami berharap kajian yang dilakukan ini boleh memberi manfaat kepada masyarakat dan dijadikan pedoman serta rujukan pada masa akan datang supaya masyarakat lebih menghargai warisan seni melayu yang diwarisi oleh Adiguru Nik Rahmah Nik Idris. Hal ini kerana, jika masyarakat tidak peka dengan warisan seni melayu ini kemungkinan ianya akan lapuk ditelan zaman. Justeru, masyarakat perlulah memainkan peranan mereka dalam menjaga dan melestarikan warisan seni apatah lagi seni sulaman kelingkam ini.

Meskipun seni sulaman kelingkam ini dahulunya hanya terkenal dalam kalangan bangsawan dan kerabat diraja sahaja kerana berharga tinggi. Tokoh, Nik Rahimah Nik Idris berharap seni sulaman diraja ini dapat diangkat semula dan dikenali oleh masyarakat sejajar dengan peredaran masa. Ini disebabkan oleh, masyarakat kini mudah alpa dan lebih mengemari kemodenan ataupun gaya hidup barat berbanding dengan seni warisan melayu kita. Masyarakat perlu sedar bahawasanya, seni warisan dan budaya bangsa Melayu ini mempunyai keunikan mereka yang tersendiri dan ianya melambangkan jati diri kita. Jadi, kami berharap dengan adanya kajian ini seni warisan ini akan memberi pendedahan secara maksima kepada masyarakat agar mereka lebih menghargai warisan seni melayu ini.

Kami juga berharap dengan adanya kerjasama dan ilmu yang dikongsiikan oleh Nik Rahimah Nik Idris sepanjang wawancara ini, masyarakat dapat memupuk rasa bangga terhadap seni kraftangan warisan yang terdapat di Malaysia khususnya seni sulaman kelingkam agar terus terpelihara dan dapat dipopularkan kembali dalam kalangan generasi hari ini. Bukan hanya itu, tokoh juga ini menyampaikan mesej bahawa seni warisan sulaman kelingkam ini menunjukkan rasa kecintaan beliau terhadap seni warisan melayu. Seni warisan melayu, sulaman kelingkam ini sangat istimewa kepada beliau kerana ianya ada warisan turun-temurun yang di warisi dari nenek moyangnya. Biarpun terdapat pelbagai onak duri yang dihadapi sepanjang kerjaya beliau, ianya masih tidak mematahkan semangat dan rasa cintanya terhadap seni sulaman kelingkam ini. Akhir kata, beliau mengharapkan hal yang sedemikian jua dari masyarakat bagi memelihara dan memartabatkan seni warisan melayu kita.

RUJUKAN

- Ab. Rahman, N., & Abdul Majid, M. (2021). Peranan dan sumbangan nik rahimah nik idris dalam bidang sulaman kelingkan. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32(1), 69-88. <https://doi.org/10.22452/JOMAS.vol32no1.5>
- Anonymous. (2019). Martabatkan seni budaya negara ke peringkat antarabangsa. *Malaysia Kini*. Retrieved from <https://www.malaysiakini.com/advertorial/495887>
- B. (Ed.). (2016). Subjek seni dan budaya harus diwujudkan di sekolah, pupuk minat generasi muda. *Astro Awani*. Retrieved from [tps://www.astroawani.com/berita-malaysia/subjek-seni-dan-budaya-harus-diwujudkan-di-sekolah-pupuk-minat-generasi-muda-117537](https://www.astroawani.com/berita-malaysia/subjek-seni-dan-budaya-harus-diwujudkan-di-sekolah-pupuk-minat-generasi-muda-117537)
- Bababers. (2015). Sulaman Diraja. Retrieved from <https://babab.net/out/sulaman-diraja.html>
- Che Lah, F. (2021). Seni budaya bukan remeh. *Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2017/12/296744/seni-budaya-bukan-remeh>
- Mohd Yusoff, M. Y. (2018). Pemuliharaan warisan budaya melalui perundangan warisan dan agensi pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 17(2), 143-159. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/13129/1/28661-87547-1-SM.pdf>
- Mustafa, S. (2019). Kain klebang selendang kerabat diraja. *Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/04/445102/kain-klebang-selendang-kerabat-diraja>
- Nafis, S. (2014). Kerjasama strategik perlu untuk kekalkan warisan Melayu. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2014/10/14214/kerjasama-strategik-perlu-untuk-kekalkan-warisan-melayu->
- Nik Idris, N. (2011). Pengiktirafan Tokoh [Web log post]. Retrieved from <http://tokohadiguru.blogspot.com/search/label/Nik%20Rahimah%20Binti%20Nik%20Idris>
- Saidon, Z. (2014). Kelestarian dan Pengkomersialan Seni persembahan TRADISIONAL Melayu DALAM konteks Industri Kreatif: Cabaran & peluang. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/294892823_Kelestarian_dan_Pengkomersialan_Seni_Persembahan_Tradisional_Melayu_dalam_Konteks_Industri_Kreatif_Cabaran_Peluang
- Sarkawi, S., & Ab. Rahman, N. (2016). Jejak Sulaman Kelingkam di Malaysia dan Indonesia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 27. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/25641/12025>
- Zainal Amri, N. H., Haron, H., & Samian, A. L. (2016). Sulaman Keringkam: Motif kemasan sisi beridentiti melayu tempatan. *International Colloquium*, 3rd, 85-96. Retrieved from https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/19976/1/PRO_NORHASLIYANA%20HAZLIN%20ZAINAL%20AMRI%20M%2016.pdf
- Zakaria, S., Ramli, N., & Nor Azmi, N. S. (2017). Pengalaman mewarisi pengetahuan dan kemahiran seni kasut manik baba nyonya: Pandangan melalui sejarah lisan. *Jurnal Peradaban*, 10, 1-15. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/ADAB/article/download/10162/7208/20382>